

DATE: 13/ 7/ 2008



DR. Mahathir Mohamad dan Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali memotong kek meraikan hari jadi beliau yang ke-83 di Kelab Golf Port Dickson, semalam.

UM - 13/7/2008

## Najib pemimpin terbaik UMNO – Mahathir

PORT DICKSON 12 Julai – Tun Dr Mahathir Mohamad memuji Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai seorang pemimpin yang amat baik berbanding kalangan pemimpin-pemimpin UMNO lain.

Dr. Mahathir mengakui semasa menjadi Perdana Menteri dahulu, beliau jarang mendengar aduan mengenai salah laku Najib.

“Beliau adalah bintang yang menyinar dalam kalangan pemimpin UMNO tetapi kini beliau menjadi malap sedikit,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Bersama Mantan Perdana Menteri yang dianjurkan oleh Kelab Alumni SMK Bukit Saujana hari ini.

Pada majlis itu Kelab Alumni SMK Bukit Saujana turut meraikan sambutan hari jadi Dr. Mahathir yang ke-83. Hadir sama Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

– Bernama